

Hadijah Rahmat dilantik Profesor Madya Emeritus NTU

Pelantikan 'iktiraf keserjanaan, perkhidmatan pengkaji bahasa Melayu ulung'



TERIMA PELANTIKAN: Profesor Madya Hadijah Rahmat menerima surat pelantikan jawatan Profesor Madya Emeritus daripada Pengarah Institut Pendidikan Nasional (NIE), Profesor Christine Goh. – Foto ihsan PROFESOR MADYA HADIJAH RAHMAT

► **MUHAIMIN SUZAINI**
msuzaini@sph.com.sg

Sasterawan dan cendekiawan Profesor Madya Hadijah Rahmat telah dilantik sebagai Profesor Madya Emeritus oleh Universiti Teknologi Nanyang (NTU) bagi “mengiktiraf keserjanaan dan perkhidmatan” beliau.

Beliau mantan ketua Kumpulan Akademik Bahasa & Budaya Asia (ALC AG) di Institut Pendidikan Nasional/Universiti Teknologi Nanyang (NIE/NTU), dan penerima Anugerah Jauhari *Berita Harian* (BH) pada 2022.

Pendidik mapan berusia 65 tahun itu menerima surat pelantikannya daripada Pengarah NIE, Profesor Christine Goh, dalam sebuah majlis di NTU pada Selasa.

Menurut NIE/NTU, beliau merupakan penerima ketiga untuk diberi pelantikan kepada Fakulti Emeritus oleh NIE – penerima pertama adalah Profesor Madya Christine Lee pada Mac 2023.

Surat pelantikan yang dikongsi oleh Profesor Madya Emeritus Hadijah kepada *BH* menyatakan pelantikan itu mengiktiraf keserjanaan, perkhidmatan dan sumbangannya, antara lain sebagai ketua ALC AG dari 2018 hingga 2022. “Pencapaian anda sebagai cendekia-

wan terkemuka dalam Pengajian Melayu-Indonesia dan pendidik serta pengkaji bahasa Melayu yang ulung juga diiktiraf,” antara isi surat tersebut.

Dalam satu catatan di Facebook pada Selasa, Profesor Madya Emeritus Hadijah menyatakan ia kali pertama beliau ke NIE sejak bersara pada 1 Mac 2023 setelah dimaklumkan tentang satu pertemuan bersama pengarah NIE.

“Sungguh (ia) suatu yang tidak dijangkakan... Semoga terus diberi kesihatan dan mendapat Petunjuk-Mu untuk terus berbakti pada universiti, masyarakat, negara dan kemanusiaan sejagat,” katanya.

Profesor Madya Emeritus Hadijah memberitahu *BH* beliau tidak tahu-menahu tentang pencalonan beliau bagi jawatan itu, apatah lagi pelantikan tersebut memandangkan tidak mudah mendapat gelaran itu kerana proses yang perlu dilalui selepas nama dicadangkan.

Beliau menyifatkan pelantikan itu sebagai satu kejutan dan bersyukur atas apa yang dicapainya.

“Apabila saya bersara, gelaran profesor madya (yang disandang sebelum ini) gugur. Dengan pelantikan ini, saya dapat kekalkan gelaran (profesor) sepanjang hayat,” jelasnya.

Namun, beliau menekankan anugerah dan gelaran bukanlah matlamatnya. Sebaliknya, beliau berpegang pada

prinsip “cuba sebaik-baiknya dalam tugas” dan keikhlasan dalam hidupnya.

Dengan pelantikan ini, Profesor Madya Emeritus Hadijah berkata beliau ingin menjadi mentor dan bantu membimbing profesor lain, di samping meneruskan kegiatan bagi pelajar dan cendekiawan lain.

Beliau menambah bahawa ia juga membolehkannya memanfaatkan beberapa kemudahan yang tersedia di NTU, seperti perpustakaan, untuk menjalankan tugas.

“Dengan pelantikan ini, saya harap ia dapat beri motivasi kepada pelajar, profesor dan (anggota masyarakat awam) lain,” ujar beliau.

Profesor Madya Emeritus Hadijah telah mencorakkan kaedah pengajaran Bahasa Melayu kepada seluruh generasi pelajar Melayu, membantu menyemak kurikulum Bahasa Melayu pada 2005 untuk dijadikan sebagai visi ‘Arif Budiman’ – yang menekankan peri pentingnya nilai dan budaya dalam pembelajaran bahasa.

Beliau juga menjadi pengerusi Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) – pertubuhan yang dibentuk untuk merancang dan memantau perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu/Indonesia di Asia Tenggara – dari 2012 hingga 2020.